



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SEMESTER 2 2018/2019

LAPORAN

SHE 101 : HUBUNGAN ETNIK

TAJUK : PERMAINAN TRADISIONAL TUMBUK KALANG

KUMPULAN 1 (PENDIDIKAN KHAS)

NAMA PENSYARAH : DR. RABIATUL ADAWIAH BINTI AHMAD RASHID

NAMA AHLI KUMPULAN :

Bil.	Nama	No. matrik
1.	Mohamad Nur Irfan Bin Mat Noor	142591
2.	Munirah Binti Hashim	143425
3.	Noor Azlin Binti Jamaluddin	141628
4.	Nor Afhiza Binti Mat	142049
5.	Nor Fatihah Binti Abdul Sani	140757
6.	Nor Hidayah Binti Anjalani	142335
7.	Nor Natasha Binti Ahmad Nali	143781
8.	Noradzlina Binti Suaib	140798
9.	Noranis Shuhada Binti Mohammad Dahyati	144147
10.	Judy Fong Mei Fenn	143464

1.0 PENGENALAN

Tumbuk Kalang merupakan permainan muzik asli dan berasal dari Negeri Sembilan. Ia terdiri daripada lesung, alu (pengetuk), rebana, gong dan beberapa alat muzik moden. Lazimnya Tumbuk Kalang dimainkan oleh masyarakat kampung setelah berpenat lelah seharian di bengang menuai padi. Pada sebelah malamnya, mereka mengadakan pesta Tumbuk Kalang untuk membuat emping baru. Ia turut dipersembahkan di majlis-majlis keramaian seperti perkahwinan atau lawatan para pembesar.

Ia dikategorikan sebagai permainan rakyat tradisional di Negeri Sembilan. Permainan tradisional tumbuk kalang menghasilkan irama bunyi yang menghiburkan hanya daripada tumbukan "manja" beberapa batang antan ke sebuah lesung kayu.

Terkenal khususnya di Tampin, Inas, Seri Menanti, Gunung Pasir dan Rembau,

Tumbuk kalang dimainkan oleh masyarakat pesawah pada zaman dahulu ketika mengemping padi terutama pada waktu malam bulan mengambang dan lagunya dinyanyikan oleh anak muda. Ketua kumpulan tumbuk kalang "Sinaran Kalang' Kampung Gedok, Gemencheh. dekat sini, Setelah penat menuai dan membanting padi pada siang hari, pada malamnya masyarakat kampung berkumpul untuk mengemping padi dan sambil-sambil itu menikmati irama tumbuk kalang.

Lesung dan antan untuk permainan "tumbuk kalang" ini diperbuat daripada kayu merbau atau halban kerana kayunya keras serta bunyinya lantang. Setiap tumbukan di bahagian lesung akan menghasilkan bunyi yang berlainan. Tumbukan di hujung kiri lesung dinamakan mencincang, bunyinya tetap dan satu-satu, manakala tumbukan di hujung kanan yang tidak tetap dipanggil manganak atau meningkah. Di sebelah tepi kiri atau kanan badan lesung pula dipanggil mengibu di mana tumbukan mengibu adalah tumbukan yang penting kerana tumbukan itu tumbukan penentuan bagi lagu-lagu yang dimainkan.

Manakala yang terakhir ialah tumbukan di lubang lesung atau tepi lubang lesung yang dipanggil 'keriket' untuk mengindahkan irama lagu. Jadi, apabila masyarakat sekeliling mendengar bunyi

tumbuk kalang ini mereka akan datang beramai-ramai dan di samping itu mereka boleh membantu mengemping dan makan emping.

Masyarakat kampung juga akan berpantun dan lagu-lagu yang biasa dinyanyikan ialah lagu tumbuk emping, kuda berontak, patah lambung, tebing gurut, petang-petang, kanding putu , tupai menegur, siamang tergegau, gogar bacang, timang kak janda, kang kang kap dan kambing berlaga. Sebelum alunan tumbuk kalang ini dimainkan, terlebih dahulu anak muda di kampung akan mempersesembahkan kehebatan berpantun masing-masing. Hal ini menunjukkan tradisi masyarakat kampung untuk berkumpul untuk menghiburkan diri setelah penat bekerja di siang hari.
[\(http://informasikraf.blogspot.com/2013/02/tumbuk-kalang.html\)](http://informasikraf.blogspot.com/2013/02/tumbuk-kalang.html)

2.0 LATAR BELAKANG TUGASAN

2.1 CARA GERAK KERJA DAN PEMBAHAGIAN TUGAS

Pasukan terdiri daripada individu yang bekerja di dalam satu kumpulan dan mereka mempunyai matlamat yang sama untuk menyiapkan sesuatu tugas atau kerja. Ciri penting di dalam sesebuah pasukan adalah mereka mempunyai panduan dan atur cara gerak kerja. Setiap ahli di dalam pasukan perlu bertanggungjawab bagi memastikan setiap objektif organisasi dapat dicapai dengan cemerlang. Setiap kegiatan akan dipikul secara bersama bukan hanya kepada individu tertentu sahaja di dalam pasukan. Segala permasalahan yang timbul harus diselesaikan bersama.

Antara cara gerak kerja dan pembahagian tugas kumpulan kami adalah melalui, arahan yang diberikan oleh ketua dan ketua selaku fasilitator/ pembimbing pasukan. Ketua tidak akan mendominasi pasukan. Sebaliknya, ketua akan berbincang dengan pasukan bagi menentukan matlamat yang ingin dicapai. Perbincangan ini merupakan sebuah mesyuarat yang akan melibatkan semua ahli dan persetujuan bersama harus diperolehi bagi menentukan matlamat pasukan. Pasukan kerja merupakan pasukan yang ditubuhkan bagi melaksanakan sesuatu tugas. Pasukan ini merupakan barisan hadapan sesebuah organisasi dan kebiasaanya mempunyai seorang ketua yang akan menentukan perkara-perkara perlu dilakukan atau diarahkan. Mereka akan mengendalikan kerja-kerja asas dalam melancarkan peranan dan fungsi organisasi tersebut. Ahli-ahli pasukan akan diberikan tugas yang tetap, sejajar dengan kemahiran dan kepakaran mereka secara berterusan. Dalam kumpulan kami, pembahagian tugas-tugas dibahagikan melalui kaedah “*draw lots*”.

Antara format laporan kami adalah terdiri daripada pengenalan, latar belakang tugas, dapatan tugas, refleksi individu dan kesimpulan. Apabila arahan telah diterima oleh setiap seorang ahli di dalam kumpulan kami termasuk ketua kumpulan. Kami haruslah memberikan komitmen yang penuh bagi memastikan matlamat untuk menyiapkan laporan ini tercapai.

2.2 CARA MAKLUMAT DIKUMPUL, CARA KENALPASTI PAKAR YANG DI TEMU BUAL

Untuk menjayakan kajian mengenai permainan tradisional tumbuk kalang ini, beberapa cara atau kaedah telah digunakan bagi mendapatkan pelbagai maklumat mengenai permainan tradisional ini. Kaedah yang berkesan haruslah digunakan untuk memastikan maklumat yang kami peroleh ini adalah tepat dan benar memandangkan permainan tradisional tumbuk kalang ini kini sudah jarang sekali dimainkan lagi.

Kaedah pertama yang kami gunakan ialah melalui internet. Kami telah mencari pelbagai maklumat daripada laman web yang boleh dipercayai seperti laman web m.star.com memandangkan internet merupakan kaedah utama yang paling senang untuk kami memperolehi sebarang maklumat. Kami mendapat banyak maklumat yang penting melalui internet seperti apa itu permainan tumbuk kalang, dimanakah permainan ini sering dimainkan, dari mana asalnya permainan ini dan banyak lagi. Ini sangat membantu kami dalam usaha menjayakan kajian kami untuk kursus SHE101.

Kaedah yang kedua ialah melalui bertanya kepada pakar. Memandangkan melalui maklumat yang kami peroleh yang mengatakan permainan tradisional tumbuk kalang ini adalah berasal dari negeri Sembilan, maka kami telah mencari beberapa orang yang berasal daripada negeri Sembilan. Hasilnya ialah kami telah berjaya mendapatkan seorang pakar yang mengetahui sedikit sebanyak mengenai permainan tumbuk kalang ini. Kami telah mengadakan sesi soal jawab bersama dengan beliau untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan permainan tumbuk kalang ini. Beliau telah banyak berkongsi maklumat dengan kami akan permainan tradisional tumbuk kalang ini seperti bilakah permainan tumbuk kalang ini diadakan dan sebagainya. Ianya sangat membantu kami dalam menjayakan kajian ini.

Kaedah yang ketiga ataupun merupakan kaedah yang terakhir yang kami gunakan ialah mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber yang boleh dipercayai seperti majalah, keratin akhbar dan sebagainya. Kami telah mencari maklumat daripada pelbagai sumber bagi memastikan maklumat yang kami perolehi itu boleh dipercayai dan tepat.

2.3 HURAIAN DIMANA DAN BAGAIMANA TEMU BUAL DIJALANKAN

Temu bual ini dijalankan sekitar kawasan USM kerana untuk memudahkan pergerakkan proses temu bual. Kami telah mendapat persetujuan dengan beliau untuk membuat temu bual dan beliau telah menetapkan tarikh dan tempat untuk temu bual dijalankan. Kami sungguh berbesar hati kerana beliau telah memilih waktu dan tempat untuk temu bual dijalankan. Beliau telah memilih waktu hujung minggu dan bertempat di sekitar USM untuk temu bual. Oleh itu, kami bersyukur kerana beliau telah menetapkan waktu dan tempat yang sangat sesuai kerana tidak mengganggu jadual kuliah semua ahli kumpulan serta tidak mengganggu jadual beliau kerana beliau juga mempunyai komitmen yang tersendiri. Hal demikian, perkara tersebut lagi memudahkan proses temu bual dijalankan bagi kedua-dua pihak iaitu ahli kumpulan kami dan penemu bual.

Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci tentang tumbuk kalang, kami juga telah melakukan temu bual bersama seorang anak jati negeri sembilan yang mahir dalam permainan tradisional tumbuk kalang. Melalui temu bual ini kami memperolehi maklumat tambahan selain daripada melakukan proses pemerhatian terhadap video yang terdapat di dalam youtube. Kaedah temu bual ini juga membolehkan kami memperolehi maklumat tentang pengalaman permainan tumbuk kalang. Beliau telah menceritakan sedikit sebanyak tentang permainan yang itu. Berdasarkan cerita yang dikongsi oleh beliau maka secara tidak langsung dapat menambah maklumat yang diperlukan oleh kami untuk menyiapkan kajian ini. Jadi, jelaslah bahawa kaedah temu bual ini sangat membantu kami dalam memperoleh maklumat.

2.4 HURAIAN TENTANG LATAR BELAKANG PAKAR DAN SEBAB PEMILIHAN

2.4.1 LATAR BELAKANG PAKAR

Pakar yang dipilih oleh kami adalah Cik Nur Amanina binti Zaharuddin, beliau berusia 20 tahun dan dilahirkan di Kuala Pilah namun menetap di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau mempunyai empat orang adik beradik.

Cik Amanina mewarisi bakat bermain permainan tradisional Tumbuk Kalang daripada ayahnya, Encik Zaharudin, yang merupakan pewaris generasi kedua permainan ini di kawasan perkampungan mereka. Ahli keluarga yang terlibat secara aktif dalam permainan ini adalah sanak-saudara di sebelah keluarga ayah beliau. Beliau mula melibatkan diri dalam permainan ini sejak kecil kerana sering mengikuti ayahnya ke sesi latihan, namun mula aktif ketika beliau berusia 13 tahun.

Menurut pakar, permainan tradisional Tumbuk Kalang ini merupakan permainan yang dimain semasa musim menuai padi. Antara alat yang digunakan adalah seperti lesung, alu (pengetuk), rebana dan gong. Beliau juga menyatakan bahawa sambutan di kawasan perkampungan beliau juga amat memberansangkan, kumpulan Tumbuk Kalang beliau sering dijemput untuk membuat persembahan di majlis-majlis keramaian serta majlis perkahwinan.

Antara sebab beliau memilih untuk aktif dalam permainan tradisional Tumbuk Kalang ini adalah kerana, beliau amat meminati permainan ini, beliau juga ingin meneruskan tradisi keluarga serta ingin menjadi contoh kepada anak-anak muda yang lain supaya sentiasa menghargai dan menyayangi permainan tradisional yang terdapat di Malaysia.

2.4.2 SEBAB PEMILIHAN

Antara sebab kumpulan kami memilih Cik Amanina sebagai pakar adalah kerana beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang permainan tradisional Tumbuk Kalang. Beliau juga mempunyai kemahiran untuk memainkan alat muzik ini, malah beliau dibesarkan dalam keluarga yang terlibat secara langsung dengan permainan tradisional ini.

Beliau juga seorang anak muda yang sangat berwibawa dan sanggup meneruskan tradisi keluarga serta sangat menghargai permainan tradisional. Beliau merupakan contoh yang terbaik bagi anak muda yang lain.

2.5 GAMBAR KETIKA SESI TEMUDUGA KAJI SELIDIK DIJALANKAN



2.5.1 Gambar ketika temuduga dijalankan



2.5.2 Gambar ketika temuduga dijalankan



2.5.3 Gambar ahli kumpulan bersama dengan penemuduga



2.5.4 Gambar ahli kumpulan yang terlibat semasa temuduga dijalankan

3.0 DAPATAN TUGASAN

3.1 LATAR BELAKANG/DEFINISI/PENEMUAN

Tumbuk kalang didefinikan sebagai permainan alat muzik tradisional yang berasal unik berasal dari Negeri Sembilan. Permainan alat muzik ini diiringi dengan penggunaan peralatan yang terdiri daripada lesung, alu (pengetuk) rebana dan gong. Tumbuk kalang atau dikenali juga sebagai tumbuk lesung dimainkan pada malam hari selepas selesai menuai padi. Pada malam tersebut diadakan pesta menumbuk emping padi. Disamping itu, permainan alat muzik tumbuk kalang ini diceritakan menjadi satu kebiasaan bagi masyarakat Negeri Sembilan setiap kali menuai padi. Lantaran masyarakat Negeri Sembilan akan mengadakan temasya mengemping padi dan kemudiannya menyanyikan lagu sambil menumbuk batang antan ke sebuah lesung kayu. Cara permainan ini dimainkan adalah dengan kaedah dimana tepi badan lesung tersebut ditumbuk dan dipanggil tumbukan mengibu. Lesung dan antan untuk memainkan tumbuk kalang ini diperbuat daripada kayu merbau atau halban kerana kualiti dan struktur kulit kayunya yang keras serta mampu menghasilkan bunyi yang lantang apabila diketuk atau ditumbuk sehingga menghasilkan bunyi sampai sebatu jauhnya.

Selain itu, lagu-lagu yang sering dimainkan semasa memainkan permainan muzik tradisional tumbuk kalang ini adalah terdiri daripada lagu Tumbuk Emping, lagu Kang Kang Kap, lagu Kambing Berlaga, lagu Kuda Berentak, lagu Janda Beranak Dua, lagu Cak Kulu dan macam-macam lagi. Di kalangan masyarakat petani dan pesawah, mereka menganggap musim berpesta ialah musim untuk menuai padi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana segala penat lelah mereka berjaya mencurahkan hasil daripada tanaman padi sawah. Pada ketika itu, anggota masyarakat akan bergembira dengan berpesta dengan diiringi dengan permainan muzik tradisional tumbuk kalang kerana berjaya mendapat hasil daripada titik peluh yang telah disumbangkan pada sawah ladang mereka selama ini. Sudah menjadi kebiasaan setiap kali musim menuai padi menjelang tiba, mereka akan mengadakan temasya megemping padi yang dimeriahkan dengan permainan tumbuk kalang. Lantaran itu, permainan tumbuk kalang ini juga kerap kali diadakan dari satu rumah ke satu rumah dan akan memakan masa selama beberapa malam. Selain itu, tumbuk kalang juga dipersembahkan pada majlis keramaian seperti perkahwinan atau semasa menyambut

kedatangan pembesar kerana disebabkan oleh keunikkan bunyi dan rentak lagu yang dimainkan yang mampu meriahkan lagi suasana majlis tersebut. Justeru itu, keunikkan permainan muzik tradisional tumbuk kalang ini perlulah dikembangka dan diketengahkan bagi masyarakat sekarang bagi menjaga dan meneruskan lagi khazanah negara yang berharga ini.

3.2 HURAIAN TENTANG ALAT MUZIK

3.2.1 CARA MEMBUAT TUMBUK KALANG

Lesung dan antan untuk permainan tumbuk kalang diperbuat daripada kayu merbau atau halban kerana kayunya keras serta bunyinya lantang. Ada yang mengatakan bunyinya boleh sampai sebatu jauhnya. Jika ia dimain serentak pada waktu malam, sudah pasti ia seperti bersahut-sahutan di antara kampung.

3.2.2 CARA MENGGUNAKAN TUMBUK KALANG

Tumbuk Kalang didefinisikan sebagai satu permainan yang diiringi dengan penggunaan peralatan iaitu lesung, alu, rebana dan gong. Berasal dari Negeri Sembilan. Sinonim dengan musim menuai dan akan dimainkan oleh masyarakat menjelang ketibaan musim menuai. Merupakan satu permainan yang unik dan berasal dari Negeri Sembilan.

Di kalangan masyarakat petani dan pesawah, mereka menganggap musim berpesta ialah musim menuai padi. Pada ketika ini, anggota masyarakat bergembira kerana mendapat hasil daripada titik peluh yang telah dicurahkan di sawah lading selama ini. Diceritakan yang mereka memainkan tumbuk kalang ini sudah menjadi kebiasaan setiap kali musim menuai padi menjelang tiba. Mereka akan mengadakan temasya mengemping padi yang dimeriahkan dengan permainan tumbuk kalang dan kemudian menyanyikan lagu sambil menumbuk batang antan ke sebuah lesung kayu. Di tepi badan lesung itu pun ditumbuk dan ia dipanggil tumbukan mengibu. Menyanyi lagu sambil menumbuk batang antan ke sebuah lesung kayu sangat menarik dan sedap di dengar kerana ianya sememangnya unik dan mempunyai unsur tradisional. kerap kali permainan tumbuk kalang diadakan dari satu rumah ke satu rumah dan memakan masa beberapa malam. Selain daripada itu, tumbuk kalang dipersembahkan juga pada majlis keramaian seperti perkahwinan atau semasa manyambut kedatangan pembesar.

Lagu-lagu Tumbuk Kalang cukup banyak seperti Lagu Tumbuk emping, Lagu Kang Kang Kap, Lagu Kambing Berlaga, Lagu Kuda Berentak, Lagu Janda Beranak Dua, Lagu Cak Kulu dan macam-macam lagi.

Contoh Lirik Lagu Si Ujang

Batang bomban dibuek lukah
Lukah dipasang di bawah titi
Bukan eh bidan den salah tompah
Memang si ujang yang koreh hati

Kobun pisang belakang rumah
Tobang dek orang pisang restali
Milah dipinang dek orang sudah
Dio terlontang menggigit jari...

Oooohhhh... si ujang... si ujaang... ahaaii..

Sengsaro derito dio
Menangih hai hibo hibo
Dio eh ingat nasib eh malang
Tak sodar diri maleh menjadi punco

Bilo di marah dio merajuk
Muko eh panjang mato eh pojam
Berbuuh mulut kito menyobut
Sajo yo dio buek tak paham..

3.2.3 KEPENTINGAN TUMBUK KALANG

Permainan tumbuk kalang ini mempunyai banyak kepentingan dan keistimewaannya tersendiri. Antara kepentingannya ialah dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat dan sibuk mengejar kekayaan dunia. Hal ini demikian kerana, permainan ini diadakan selepas sesbuah masyarakat berpenat lelah membanting padi pada musim menuai di siang hari. Pada waktu malam, masyarakat melepaskan penat lelah dengan berhibur bermain permainan tumbuk kalang dalam kalangan masyarakat bukan sahaja golongan dewasa malah golongan remaja turut dapat serta. Sebagai contoh, tumbuk kalang ini dimainkan secara berkumpulan dan memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi untuk menghasilkan irama muzik yang menarik dan sekaligus tercetusnya suasana yang muhibah dan harmoni dalam masyarakat. Oleh itu, bermain dan berkumpul bersama-sama dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat dan jauh lebih baik daripada individu yang asyik bermain permainan komputer di kamar sendiri tanpa berinteraksi dengan orang lain.

Selain itu, permainan tumbuk kalang ini juga dapat menarik daya tarikan yang signifikan dalam industri pelancongan. Namanya yang unik dan jarang didengar akan kewujudannya akan dipandang oleh sesetengah pelancong yang inginkan keistimewaan permainan ini. Setelah diperkenalkan kepada pelancong sama ada di dalam negara atau luar negara, lazimnya pelancong akan berminat dan turut bermain dengan seronoknya terhadap permainan tumbuk kalang ini. Hal ini bukan sahaja dapat memangkinkan industri pelancongan tetapi juga memperkenalkan kebudayaan kaum yang terdapat di Negeri Sembilan kepada bangsa lain di dalam Malaysia mahupun di luar Malaysia, seperti peribahasa “serampang dua mata”.



3.2.4 Gambar bermain tumbuk kalang

3.3 HURAIAN PANDANGAN PAKAR TENTANG PENGETAHUAN GENERASI TERKINI TERHADAP ‘TUMBUK KALANG’.

Menurut pandangan pakar iaitu Cik Nur Amanina Binti Zaharuddin , pengetahuan generasi terkini tentang Tumbuk Kalang adalah sangat cetek . Hal ini demikian kerana, Tumbuk Kalang sudah semakin kurang diamalkan oleh generasi kini terutamanya generasi muda. Tidak seperti dahulu, Tumbuk Kalang dimainkan oleh generasi terdahulu tidak kira sama ada majlis perkahwinan mahupun kenduri. Beliau juga berpendapat bahawa generasi muda sekarang sudah tidak menghiraukan lagi permainan Tumbuk Kalang ini kerana mereka beranggapan permainan muzik ini hanyalah permainan orang-orang tua terdahulu dan ianya sudah lapuk ditelan zaman. Tanggapan ini menyebabkan mereka tidak ingin mengambil tahu akan sejarah dan asal usul Tumbuk Kalang dan secara tidak langsung hal ini menyebabkan pengetahuan mereka tentang Tumbuk Kalang adalah cetek. Oleh hal yang demikian, generasi muda kini seharusnya berusaha untuk menghidupkan semula permainan Tumbuk Kalang agar tak lapuk ditelan dek zaman.

Seterusnya, Cik Amanina juga berpendapat bahawa generasi kini tidak didedahkan oleh ibubapa mereka tentang Tumbuk Kalang sejak daripada kecil lagi. Pendedahan daripada ibu bapa amat penting terhadap anak-anak tentang permainan muzik ini agar anak-anak dapat mengetahui apa itu Tumbuk Kalang yang sebenarnya serta mereka dapat mempelajari permainan ini sejak dari kecil lagi kerana ianya mencerminkan tradisi yang harus dikekalkan hingga ke hari ini. Bukan itu sahaja, Tumbuk Kalang juga merupakan warisan turun temurun yang seharusnya dipertahankan serta dimartabatkan oleh generasi muda yang akan datang. Malangnya, tidak semua ibubapa yang mendedahkan anak mereka dengan permainan ini kerana mereka beranggapan bahawa permainan ini tidak penting untuk masa depan anak-anak mereka. Mereka lebih memfokuskan kepada akademik anak-anak mereka dan berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi akademik anak-anak mereka di sekolah.

Di samping itu, Cik Amanina juga tidak ketinggalan menyentuh tentang generasi kini yang semakin terpengaruh dengan budaya luar. Budaya luar yang tidak elok semakin menjadi ikutan buat generasi muda pada masa kini sehingga mereka melupakan budaya Melayu itu sendiri. Alatan

muzik moden seperti gitar, piano, drum dan sebagainya yang merupakan alatan muzik dari luar sudah semakin luas digunakan di negara ini. Alatan muzik yang terdahulu seperti gong, rebana, dan lesung sudah tidak lagi kerap digunakan oleh masyarakat terutamanya golongan generasi muda. Hal ini menyebabkan permainan muzik seperti Tumbuk Kalang tidak lagi dimainkan terutamanya di kawasan asal usul permainan itu sendiri iaitu Negeri Sembilan.

Akhir sekali, pakar turut berpendapat bahawa pengetahuan generasi muda terhadap Tumbuk Kalang yang semakin berkurangan dan cetek adalah kerana kurangnya penduduk di sesebuah kawasan tersebut yang menanam padi. Hal ini demikian kerana, apabila tiada padi yang ingin dituai, penduduk tidak akan memainkan permainan tersebut. Secara tidak langsung, permainan tersebut akan semakin dilupakan oleh masyarakat. Majlis-majlis lain seperti perkahwinan, keramaian juga sudah tidak lagi kerap memainkan permainan muzik Tumbuk Kalang ini sebaliknya mereka lebih memilih untuk memainkan muzik moden yang lebih menarik, rancak serta moden.

3.4 HARAPAN DAN CADANGAN PAKAR

Irama muzik asli seperti gamelan dan cak lempong memang tidak asing dan sering diperdengarkan pada majlis keramaian, namun bagaimana pula dengan irama "tumbuk kalang". Mungkin ramai tidak dapat membayangkan bunyinya bagaimana, namun bagi mereka yang berpeluang dan pernah mendengarnya ia boleh dianggap sesuatu yang menghibur dan menyeronokkan. Namun pada zaman sekarang, irama muzik ini agak susah untuk didengari di majlis keramaian mahupun di corong radio. Tidak ramai terutama golongan muda yang tahu cara memainkan alatan itu dan tidak keterlaluan jika dikatakan ada yang mungkin langsung tidak tahu apabila diajukan pertanyaan mengenai alat tersebut. Justeru itu, beberapa cadangan telah diusulkan oleh pakar bagi membasmi permasalahan ini.

Tumbuk kalang ini terkenal khususnya di Tampin, Inas, Seri Menanti, Gunung Pasir dan Rembau, "tumbuk kalang" dimainkan oleh masyarakat pesawah pada zaman dahulu ketika mengemping padi terutama pada waktu malam bulan mengambang dan lagunya dinyanyikan oleh anak muda. Oleh hal yang demikian, kelab-kelab kesenian di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) boleh memulakan langkah awal dengan berusaha mengadakan latihan bermain alatan muzik tersebut. Usaha ini sebenarnya bertujuan menyediakan pelapis dan memastikan permainan alatan muzik dan persembahan budaya tradisi dapat terus dikekalkan. Pihak yang lebih pakar terhadap alat muzik ini boleh menyumbangkan tenaga melatih kanak-kanak dan remaja dalam permainan alat tradisi tersebut.

Seterusnya, sekolah dapat memainkan peranan dalam memupuk minat kepada budaya dalam kalangan remaja . Cara pertama adalah untuk membuat pelajar untuk menganjurkan persembahan atau pertunjukan budaya. Para pelajar akan terlibat dalam membuat persembahan secara rasmi untuk memperkenalkan alat muzik tradisional ini .Sekolah boleh mengundang kumpulan-kumpulan seni untuk membuat persembahan budaya seperti persembahan tumbuk kalang semasa perhimpunan mingguan. Sekolah juga bertanggungjawab untuk membawa para pelajar menonton pertunjukan-pertunjukan budaya untuk memupuk rasa cinta terhadap budaya ini.

Tambahan lagi, sekolah boleh menerapkan budaya dalam pengajaran. Para pelajar boleh membuat kajian dan tinjauan budaya dalam pengajaran bahasa. Mereka pun boleh ada permainan bahasa dan budaya dalam pengajaran bahasa. Misalnya, mereka boleh bermain permainan tradisional, membuat tinjauan mengenai persepsi remaja terhadap budaya mereka dan persembahan dan penerangan tentang cabang budaya dalam kelas.

Penglibatan pelbagai lapisan masyarakat terutama golongan pelajar dalam bidang alat muzik tradisional ini turut memberi kesan positif terhadap pertumbuhan diri, khususnya tahap kecergasan fizikal, aspek perpaduan kaum, dan ekonomi masyarakat secara keseluruhannya. Keadaan ini telah melonjakkan nilai tambah (add values) bidang seni dan kebudayaan dalam ruang masyarakat majmuk di Malaysia. Penglibatan aktif golongan murid di peringkat sekolah menandakan evolusi alat muzik tradisional ini terus berkembang dan mendapat tempat di benak sanubari golongan muda hari ini. Menjadi harapan pihak pakar agar permainan alat muzik tumbuk kalang ini dapat diperkembangkan dan dipertengahkan lagi demi memartabatkan khazanah warisan bangsa.

3.5 GAMBAR ‘TUMBUK KALANG



**3.5.1 Gambar lesung yang digunakan dalam permainan tumbuk kalang
(Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah, Gelugor)**



**3.5.2 Gambar permainan tradisional tumbuk kalang
(<https://shakiddo.com/tradisi-tumbuk-kalang/>)**



3.5.3 Koleksi lagu yang dimainkan dari tumbuk kalang (<http://www.jkkn.gov.my/ms/lagu-kumpulan-tumbuk-kalang>)

4.0 REFLEKSI INDIVIDU (AHLI KUMPULAN)

MUNIRAH BINTI HASHIM (143425)

Pertama sekali saya ingin melafazkan Alhamdullilah sebagai tanda rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana dengan izinnya dapatlah saya menyiapkan tugasan SHE101 iaitu pelaksanaan tugasan berkaitan alat muzik tradisional iaitu Tumbuk Kalang. Ini merupakan tugasan yang memberikan saya banyak pengalaman dan mampu mempersiapkan saya dalam menempuh alam perguruan kelak. Saya ingin megucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah dan selaku pembimbing sepanjang projek ini dijalankan iaitu Dr. Rabiatul Adawiah. Terima kasih ahli-ahli kumpulan yang memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjalankan tugasan yang diberi.

Terdapat beberapa kebaikan semasa menjalankan tugas ini. Antaranya, saya dapat mengetahui bahawa alat muzik tradisional iaitu Tumbuk Kalang ini wujud. Hal ini demikian, saya belum pernah mendengarnya sehingga tugasan SHE101 diberikan. Saya turut gembira apabila mendengar mereka yang memainkan tumbuk kalang ini sudah menjadi kebiasaan setiap kali musim menuai padi menjelang tiba. Selain itu, pengalaman saya bekerja sebagai satu kumpulan ialah saya dapat belajar bahawa bekerja dalam kumpulan ini lebih berkesan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Tetapi ia tidak bermakna setiap individu tidak mempunyai kepentingan. Sebaliknya keberkesanan dan kecekapan kerja berkumpulan sering kali melewati kepentingan dan sasaran secara individu. Bahkan, kerja berkumpulan paling berkesan bagi saya adalah semua ahli kumpulan melibatkan diri dan memberi sumbangan yang harmoni bagi mencapai matlamat yang sama.

Di samping itu, saya juga dapat menambah pengetahuan tentang budaya etnik yang lain. Pengetahuan antara budaya ini, yakni usaha mengenali cara hidup mereka yang berasal daripada latar, pegangan dan pemahaman yang berbeza daripada saya, adalah prasyarat untuk interaksi antara satu sama lain yang berkesan dalam masyarakat majmuk.

Kesimpulannya, saya amat berpuas hati dengan tugasan yang diberikan berkaitan dengan alat muzik tradisional iaitu Tumbuk Kalang. Sesungguhnya, kerjasama satu kumpulan sangatlah penting bagi menjayakan sesuatu tugasan atau tiviti. Tanpa komitmen daripada semua pihak, tugas ini tidak akan siap dengan sebaiknya. Sekian, terima kasih.

NOR HIDAYAH BINTI ANJALANI(142335)

Antara manfaat yang saya dapat daripada hasil tugasan kali ini adalah mengetahui dengan lebih terperinci tentang permainan tradisional Tumbuk Kalang. Secara jujur nya , saya tidak pemah didedahkan tentang wujudnya permainan ini,namun setelah menyelesaikan tugasan ini saya lebih memahami tujuan permainan ini, cara bermain, alatan yang digunakan, dan pelbagai maklumat lagi.Bagi pendapat saya , Tumbuk Kalang merupakan satu permainan yang unik dan saya sangat terhibur melihat persembahan kumpulan permainan ini di dalam internet . Permainan tradisional ini juga mampu mengeratkan tali persaudaraan antara ahli kumpulan tersebut serta penduduk kampung , kerana Tumbuk Kalang banyak dimainkan di majlis keramaian.

Pengalaman bekerja secara berkumpulan dalam usaha menyiapkan tugasan ini adalah amat bermakna bagi saya.Semua ahli kumpulan memberikan kerjasama yang baik, menyumbangkan idea yang bernas,bertolak ansur antara satu sama lain serta memberikan komitmen yang tinggi ketika mengadakan sesi perbincangan.Walaupun, agak sukar untuk mencari pakar bagi permainan Tumbuk Kalang ini, namun berkat hasil kerjasama setiap ahli kumpulan,kami berjaya menyiapkan tugasan ini .Ketua kumpulan juga amat bertanggungjawab serta bijak membahagikan tugas kepada ahli-ahli yang lain.Sikap kerjasama antara ahli kumpulan membuatkan tugasan ini berjaya disiapkan dalam keadaan yang lancar dan tersusun.Di kesempatan ini juga , saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar, kepada ibu bapa yang telah banyak memberi dorongan serta sumbangan dari segi kewangan, kepada rakan-rakan sekumpulan yang banyak berkorban masa dan tenaga dalam usaha menyiapkan tugasan ini.Tidak lupa juga kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjayakan tugasan ini serta kepada pakar yang telah kami cari dan pilih , Cik Nur Amanina binti Zaharuddin , yang telah memberikan kerjasama yang begitu baik.

Akhir sekali , melalui tugasan ini,saya lebih tertarik untuk mengetahui tentang permainan tradisional etnik-etnik lain serta tidak segan silu mengajak anak muda yang lain untuk lebih menghargai serta menyayangi permainan tradisional yang terdapat di negara ini.

NOR AFHIZA BINTI MAT (142049)

Pertama sekali saya ingin melafazkan Alhamdulillah ke hadrat ilahi sebagai tanda kesyukuran yang tidak terhingga kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan tugas ini memberi saya banyak pengalaman yang bukan sahaja menguji mental malah fizikal juga.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu, Dr Rabiatul Adawiah binti Ahmad Rashid kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk menyiapkan tugas ini. tanpa dorongan dan sokongan daripada beliau, sudah pasti kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Terima kasih juga kepada ahli kumpulan saya yang banyak memberikan kerjasama dan komitmen sepanjang menjalankan tugas yang telah diberikan.

Kajian ini telah banyak memberi manfaat kepada saya dan ahli kumpulan kami. Sebelum ini saya sendiri tidak mengetahui akan kewujudan permainan tradisional tumbuk kalang ini. Oleh hal demikian, setelah kajian ini dilakukan saya sudah mengetahui banyak hal mengenai permainan tradisional tumbuk kalang ini. Contohnya, saya sudah tahu bagaimana permainan ini dimainkan, di manakah asal usulnya permainan ini dan sebagainya. Saya telah memperoleh banyak pengetahuan akan permainan yang kian ditelan zaman ini.

Seterusnya, saya berasa bersyukur kerana saya dengan ahli kumpulan masih mampu menyiapkan tugas ini dengan sebaiknya. Walaupun kami tiada maklumat sedia ada tentang permainan tradisional tumbuk kalang ini. Elemen kerjasama dan usaha dalam ahli kumpulan adalah penting bagi menjayakan sesuatu kerja berkumpulan. Oleh hal demikian, dengan kerjasama dan semangat usaha kami dapat menjalankan kajian dengan lancar.

Di samping itu, kajian ini telah menyedari saya akan kepentingan dalam mengekalkan kesenian melayu seperti permainan tradisional tumbuk kalang ini. Jauh disudut hati saya berasa kecewa setelah mengetahui akan permainan tumbuk kalang ini kini sudah kian ditelan zaman dan jarang diketahui oleh masyarakat masa kini. Bagi saya, permainan tradisional perlu diperkenalkan kepada masyarakat masa kini supaya tidak ditelan zaman serta dapat menyatupadukan semua rakyat dan ianya menjadi tanda atau logo sesuatu negeri tersebut.

NOOR AZLIN BINTI JAMALUDDIN (141628)

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi atas anugerah yang tidak terhingga kepada saya dan rakan-rakan dalam menyempurnakan tugas yang penting dalam subjek SHE 101 iaitu hubungan etnik. Semua ini tidak akan berlaku jika kawan-kawan, pensyarah dan ibu bapa saya tidak memberi galakan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan projek ini sehingga berjaya.

Semasa melaksanakan tugas dalam kursus SHE 101 ini, saya telah menerima banyak faedah yang berguna dan baik untuk diri saya. Antaranya ialah saya dapat lebih mengenali dengan lebih mendalam berkenaan alatan muzik tumbuk kalang ini. Seperti yang kita sedia maklum, permainan ini kurang dikenali oleh anak muda mahupun mahasiswa atau mahasiswi di universiti sekalipun. Melalui tugas yang telah diberikan oleh setiap ahli kumpulan, setiap orang akan lebih memahami dan mengenali permainan ini dengan lebih terperinci lagi.

Selain itu, tugas ini juga membantu saya sebagai seorang bakal guru untuk memperkenalkan alatan muzik tradisional ini kepada pelajar-pelajar di sekolah dan seterusnya memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar di sekolah. Hal ini kerana apabila pelajar mula meminati bidang ini, mereka akan mempraktikkan nilai ketabahan dan kerajinan dalam usaha mempelajarinya kerana kurangnya pakar dalam alatan muzik tradisional tertentu. Tambahan pula, pelajar-pelajar tidak akan mempunyai masa dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah kerana mereka sudah kehabisan tenaga yang dicurahkan untuk berlatih alat muzik tersebut.

Akhir sekali, melalui segala ilmu-ilmu yang telah saya perolehi, dengan izin Allah s.w.t, saya akan mempraktiknya sebaik mungkin nanti. Dapat saya katakan, subjek ini sangat membantu para pelajar terutamanya pelajar yang berada dalam bidang pendidikan untuk membantu alat muzik tradisional ini untuk mendapat sambutan yang hangat dan agar lebih dikenali oleh masyarakat terutamanya remaja.

JUDY FONG MEI FENN (143464)

Saya Judy Fong Mei Fenn (143464) dengan besar hati ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli kumpulan saya iaitu kumpulan 1 atas usaha yang gigih untuk menjayakan projek ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah SHE101 yang telah banyak memberikan ilmu baharu kepada saya sepanjang kuliah SHE101.

Sepanjang perlaksanaan laporan ini, saya telah mempelajari banyak perkara yang baharu. Kumpulan kami ditugaskan untuk melakukan sebuah kajian yang terperinci tentang sebuah alat muzik tradisional iaitu Tumbuk Kalang. Pada mulanya, banyak daripada kumpulan kami termasuk saya tidak tahu apa-apa mengenai alat muzik ini. Namun, selepas kajian dan sesi temu duga dengan pakar alat muzik ini, kami telah mendapat ilmu yang baharu tentang alat muzik ini. Tidak lupa juga kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang tugas ini serta kepada pakar yang telah kami cari dan pilih , Cik Nur Amanina binti Zaharuddin , yang telah memberikan kerjasama yang penuh kepada kumpulan kami. Secara keseluruhannya, banyak yang saya telah ketahui mengenai permainan tradisional, Tumbuk Kalang ini.

Kesimpulanya, kenangan pahit manis itu ada untuk mengingati kita bahawa jika tidak dipecahkan ruyung mana dapat sagunya. Oleh itu, kegigihan dan usaha yang berterusan adalah sangat penting. Walau bagaimanapun, terdapat juga gerak kerja kita yang agak tidak tersusun. Mungkin kerana ini kali pertama kami melakukannya dan ini merupakan luar daripada zon selesa kita semua. Akhir kata, integrasi dan perpaduan merupakan asas-asas penting untuk kejayaan negara. Keharmonian kaum harus dijaga, setiap kaum harus menghormati budaya dan agama kaum lain. Tidak boleh dinafikan bahawa integrasi adalah sangat penting demi perpaduan kaum sesebuah negara kerana perpaduan yang kukuh akan membolehkan negara kita mencapai kejayaan pembangunan.

NOR NATASHA BINTI AHMAD NALI (143781)

Refleksi individu saya, Nor Natasha binti Ahmad Nali mengenai kajian ini ialah ianya sangat memberi banyak manfaat kepada diri saya sendiri dan juga ahli kumpulan yang lain. Hal ini kerana sebelum ini saya sendiri tidak pernah mengetahui akan kewujudan permainan tradisional tumbuk kalang ini. Malahan saya juga tidak tahu langsung akan permainan tradisional ini. Namun, setelah kajian ini dilakukan saya sudah mengetahui banyak hal mengenai permainan tradisional tumbuk kalang ini. Contohnya, saya sudah tahu bagaimana permainan ini dimainkan, dimanakah asalnya permainan ini dan sebagainya. Saya telah memperoleh banyak pengetahuan akan permainan yang kian ditelan zaman ini.

Kedua, melalui kajian ini saya telah menyedari akan pentingnya dalam mengekalkan kesenian melayu kita seperti permainan tradisional tumbuk kalang ini. Saya berasa agak kecewa setelah mengetahui yang permainan tumbuk kalang ini kini sudah kian tenggelam dan jarang dimainkan lagi. Bagi saya, permainan tradisional adalah amat penting kerana ianya dapat menyatupadukan semua rakyat dan ianya menjadi tanda atau logo sesuatu negeri tersebut. Contohnya, negeri Kelantan yang terkenal dengan permainan Wau. Permainan tradisional ini juga memainkan peranan penting terutamanya dalam menarik pelancong asing untuk melihat keunikan negara kita.

Melalui kajian ini juga, saya dapat belajar untuk saling bekerjasama antara ahli kumpulan kerana kerjasama daripada semua pihak adalah sangat penting. Walaupun masing-masing tidak tahu akan wujudnya permainan tumbuk kalang ini, namun masing-masing bertungkus lumus dalam mencari maklumat mengenai permainan ini. Kegigihan daripada semua ahli kumpulan yang sanggup turun padang dalam menjayakan kajian ini telah membuatkan saya berasa amat kagum.

Akhir sekali, saya amat berbangga kerana saya bersama ahli kumpulan yang lain masih mampu menyiapkan tugasa ini dengan sebaiknya walaupun kami semua bermula dari kosong kerana kami semua langsung tidak mengenali akan permainan tradisional tumbuk kalang ini. Komitmen dan usaha daripada semua ahli kumpulan telah membuat semuanya berjalan dengan lancar kerana masing-masing saling memainkan peranan masing-masing.

NOR FATIHAH BINTI ABDUL SANI (140757)

Permainan tradisional tumbuk kalang merupakan permainan yang begitu popular di Negeri Sembilan pada suatu ketika dahulu. Kini, permainan tradisional ini kian dilupakan dek kerana perubahan masa dan zaman. Pada saya, saya tidak mempunyai apa-apa sudut ilmu berkaitan alat music tradisional/ permainan tradisional tumbuk kalang ini. Hal ini demikian kerana, saya tidak pernah melihat dan mengetahui tentang keberadaan permainan tradisional ini. Hal ini demikian kerana, saya tidak dilahirkan di Negeri Sembilan dan tidak pernah untuk mengunjung ke Negeri Sembilan. Oleh hal yang demikian, saya tidak diberi pendedahan berkaitan permainan tradisional ini. Apabila mendapat tugasan untuk mengkaji permainan tradisional ini, barulah saya mengetahui tentang keunikkan permainan tradisional tumbuk kalang ini.

Dari sudut pengalaman bekerja sebagai satu kumpulan, saya telah dibahagikan dan mendapat 10 orang ahli kumpulan saya untuk menjalankan tugas ini. Ketua kumpulan kami ialah Irfan dan dia telah menerangkan apakah tugas yang perlu kami lakukan. Walaupun kami semua sibuk dan terikat dengan jadual tugas yang padat, kami telah berjumpa dan telah membahagikan tugas masing-masing. Ahli kumpulan saya sangat komited, bekerjasama dan sentiasa merespon dengan pantas apabila terdapat persoalan. Saya berasa sangat gembira apabila mengenali dan dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan saya ini.

Dari sudut pengetahuan tentang budaya etnik yang lain, saya dapat mempunyai ilmu pengetahuan tambahan dan dapat belajar tentang keunikkan budaya etnik yang lain. Di samping dapat mempelajari perkara baru, saya dapat mengetahui pelbagai jenis alat music yang lain yang lain yang telah digunakan oleh masyarakat pada zaman dahulu, walaupun permainan tradisional tersebut tidak digunakan lagi pada masa kini.

MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR (142591)

Alhamdulillah bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya saya berjaya menyiapkan tugasan untuk kursus Hubungan Etnik (SHE 101) bagi sidang akademik 2018/2019. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pensyarah kami iaitu Dr Rabiatul Adawiah binti Ahmad Rashid kerana telah banyak membantu dan memberikan pengetahuan baru dalam melaksanakan tugasan ini. Tanpa dorongan dan tunjuk ajar beliau, sudah pasti kami tidak mampu menyiapkan tugasan ini dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu ahli kumpulan saya yang banyak memberikan tunjuk ajar, masa dan tenaga sepanjang bersama-sama menjayakan tugasan ini.

Selain itu, pelaksanaan tugasan berkaitan alat muzik tradisional tumbuk kalang ini banyak memberikan saya pengalaman dan pengetahuan yang baru mengenai khazanah berharga yang ada di Malaysia. Terdapat beberapa kebaikan sepanjang menjalankan tugasan ini dimana saya dapat mengetahui budaya dan keunikkan yang berada di Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana adalah penting untuk setiap rakyat negara mengetahui setiap budaya dan keunikkan yang berada di negara kita ini bagi memupukkan lagi rasa cinta kepada negara.

Disamping itu, pengalaman bekerja secara berkumpulan ini adalah amat bermakna dan bermanfaat bagi saya. Sebagai selaku ketua dalam kumpulan ini saya telah melihat semua ahli kumpulan saya telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menyumbangkan idea serta bertolak ansur antara satu sama lain. Elemen kerjasama antara ahli kumpulan adalah penting bagi menjayakan sesuatu kerja berkumpulan lantaran tugasan kami mengenai tumbuk kalang ini tidak mempunyai maklumat yang banyak untuk didapati. Justeru itu, dengan bantuan dan komitmen setiap ahli kumpulan memberikan kerjasama yang baik dalam mengumpulkan maklumat sekaligus menyiapkan tugasan ini

Kesimpulanya, kegigihan dan usaha yang berterusan adalah sangat penting walaupun, terdapat gerak kerja kita yang agak tidak tersusun. Mungkin kerana ini kali pertama kami melakukannya dan ini merupakan luar daripada zon selesa kita semua. Akhir kata, integrasi dan perpaduan merupakan asas-asas penting untuk kejayaan negara. Keharmonian kaum harus dijaga, setiap kaum harus menghormati budaya dan agama kaum lain. Tidak boleh dinafikan bahawa integrasi adalah sangat penting demi perpaduan kaum sesebuah negara kerana perpaduan yang kukuh akan membolehkan negara kita mencapai kejayaan pembanguna

NORANIS SHUHADA BINTI MOHAMMAD DAHYATI (144147)

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan Alhamdulillah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat saya dan kumpulan saya menjayakan dan menyiapkan tugas yang diberikan. Tugas yang diberikan adalah merupakan permainan tradisional yang semakin ketinggalan zaman dek kemajuan teknologi yang serba canggih. Tugas ini banyak memberi pengalaman kepada saya dan memperoleh ilmu pengetahuan tentang kewujudan permainan tradisional yang jarang didengar.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah yang banyak menolong dan memberi dorongan iaitu Dr Rabiatul Adawiyah untuk memastikan tugas yang diberikan ini sentiasa berjalan dengan lancar. Terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli kumpulan saya yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi bagi menyiapkan tugas yang diberikan.

Dalam tempoh untuk menyiapkan tugas ini, banyak ilmu pengetahuan yang saya perolehi. Antaranya ialah tentang permainan tumbuk kalang yang berasal daripada Negeri Sembilan. Permainan ini hanya terkenal di sesetengah kaum yang terdapat di negeri tersebut. Seperti yang kita ketahui, permainan tradisional ini semakin dilupakan dan ditinggalkan oleh masyarakat seiring dengan arus globalisasi dan modenisasi. Jika permainan tradisional kita lenyap di bumi kita, apakah kebudayaan yang dapat memperlihatkan maruah bangsa kita? Selain itu, saya dapat belajar erti persahabatan dan erti apa itu berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Secara keseluruhannya saya sangat berpuas hati dengan pengalaman dan input baru yang telah saya peroleh akan saya terapkan dalam diri untuk kebaikan di masa yang akan datang. Satu aspek yang sangat terkesan kepada saya iaitu kepentingan sikap bekerjasama dan komitmen dalam kumpulan adalah sangat penting untuk memastikan tugas yang diberikan dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebagai generasi muda perlu mengetahui tentang kepentingan permainan tradisional kepada bangsa dan negara. Sekian terima kasih.

NORADZLINA BINTI SUAIB (140798)

Terdapat beberapa manfaat yang saya dapat daripada hasil tugas ini. Antaranya ialah dapat bekerjasama sesama ahli kumpulan bagi menyiapkan tugas ini. Kerjasama dalam sesuatu kumpulan amatlah penting untuk menggerakkan kumpulan tersebut melakukan sesuatu kerja dengan baik dan efektif. Kerjasama ini dapat dilihat dengan pengagihan tugas yang dibuat bagi menyelesaikan tugas dengan lebih cepat. Setiap ahli kumpulan juga menyelesaikan tugas masing-masing dengan baik dan pantas. Tidak ketinggalan juga dengan memberikan pandangan dan pendapat masing-masing berkaitan tugas yang diberikan seperti mencari pakar yang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan dengan Tumbuk Kalang.

Seterusnya, saya dan ahli kumpulan juga secara tidak langsung dapat menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan permainan muzik terutamanya Tumbuk Kalang. Saya dapat mengetahui serba sedikit berkaitan dengan Tumbuk Kalang iaitu asal usul Tumbuk Kalang, cara memainkannya serta bila hendak dimainkan. Hal ini secara tidak langsung, dapat meningkatkan ilmu pengetahuan saya berkaitan dengan permainan muzik tradisional orang terdahulu yang masih wujud pada zaman sekarang walaupun sudah tidak lagi kerap dimainkan oleh generasi kini. Dalam masa yang sama juga, saya dapat mengetahui permainan muzik tradisional ini yang berasal dari Negeri Sembilan kerana selama ini saya hanya mengetahui permainan muzik tradisional yang berasal dari Sabah kerana saya juga berasal dari Sabah.

Akhir sekali, tugas ini juga dapat membantu saya mengenali rakan dengan lebih rapat lagi. Hal ini demikian kerana, melalui tugas ini saya dapat berinterksi dengan ahli kumpulan saya dengan lebih baik serta dapat mengetahui latar belakang mereka. Hal ini memudahkan lagi proses perjalanan untuk menyiapkan tugas ini dengan lebih baik kerana tidak berlaku sebarang persalah fahaman antara ahli kumpulan.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pada era pascaglobalisasi ini, rakyat Malaysia telah menikmati kemauan dan pembangunan fizikal yang peat. Ironinya pelbagai warisan nenek moyang semakin dipinggirkan oleh segelintir masyarakat di Malaysia, terutamanya golongan muda. Salah satu khazanah kebudayaan yang semakin luntur dek kemajuan teknologi yang serba canggih ini ialah permainan tradisional iaitu tumbuk kalang dan sebagainya. Oleh itu, generasi muda bertanggungjawab untuk mengharumkan dan melestarikan khazanah kebudayaan ini daripada generasi kepada generasi seterusnya, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Walaupun zaman beredar dengan pesatnya, tetapi segala warisan yang baik, murni dan sejati mesti diperkuuhkan supaya bangsa Malaysia tidak digelar sebagai etnik yang tidak berakar umbi dan sentiasa terhanyut oleh arus globalisasi pada zaman kini.

6.0 BAHAN RUJUKAN

<http://informasikraf.blogspot.com/2013/02/tumbuk-kalang.html>

<https://shakiddo.com/tradisi-tumbuk-kalang/>

<https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2012/05/15/tumbuk-kalang-permainan-rakyat-negeri-sembilan>

<http://www.jkkn.gov.my/ms/lagu-kumpulan-tumbuk-kalang>

<http://denai.my/terokai-negeri-sembilan-di-muzium-adat-jelebu/>

<https://pemetaanbudaya.my/v1/portfolio-items/muzik-tumbuk-kalang/>